

Bapa tiri durjana dipenjara 104 tahun

Tertuduh mengaku bersalah rogol, seks luar tabii dan amang seksual dua anak tiri

Oleh Reno Benjamin

SIBU: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara berjumlah 104 tahun beserta 18 kali sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas sembilan pertuduhan merogol, melakukan seks luar tabii dan amang seksual fizikal terhadap dua anak tirinya.

Hakim Musyiri Peet terdahulu menjatuhkan hukuman penjara antara 10 dan 12 tahun berserta dua sebatan bagi setiap pertuduhan terhadap tertuduh, 35, di mana hukuman penjara itu diarah berjalan secara berasingan.

Di samping itu, tertuduh juga diperintah menjalani khidmat kauseling ketika menjalani hukuman penjara dan berada di bawah pengawasan pihak polis selama dua tahun setelah tamat menjalani hukuman.

“Setelah mempertimbangkan fakta kes, rayuan dan kepentingan awam, mahkamah memandang berat akan kesalahan dilakukan tertuduh yang juga ayah tiri kepada mangsa serta melibatkan dua mangsa bawah umur.

“Setelah mempertimbangkan fakta kes, rayuan dan kepentingan awam, mahkamah memandang berat akan kesalahan dilakukan tertuduh yang juga ayah tiri kepada mangsa serta melibatkan dua mangsa bawah umur.”

Musyiri Peet
Hakim Mahkamah Sesyen

“Kesalahan dilakukan di beberapa tempat dan masa berbeza yang menunjukkan corak penderaan yang berterusan.

“Fakta juga menunjukkan tertuduh melakukan perbuatan keji itu bukan kepada seorang, tetapi dua kanak-kanak yang di bawah jagaannya,” ujarnya ketika menjatuhkan hukuman.



KE PENJARA: Tertuduh dibawa keluar dari lokap mahkamah setelah dijatuhi hukuman atas sembilan pertuduhan merogol, melakukan seks luar tabii dan amang seksual fizikal terhadap dua anak tirinya.

Sementara tertuduh dalam rayuannya merayu dikenakan hukuman ringan serta sebatan, selain memberitahu sebelum ini dia bertugas di sebuah syarikat air di sini.

Tertuduh juga memberitahu kesal dengan perbuatannya, selain berjanji untuk tidak mengulangi kesalahan sama.

Selain itu, dia juga merayu agar dibenarkan untuk berjumpa dengan isteri dan anak-anak ketika menjalani hukuman.

Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry memohon hukuman berat dijatuhkan terhadap tertuduh memandangkan dua mangsa adalah anak tiri tertuduh yang

masing-masing berusia 15 dan 16 tahun.

“Kedua-dua kanak-kanak ini terpaksa menjadi mangsa tertuduh bagi memuaskan nafsu buasnya yang akan menjadi trauma kepada mangsa sepanjang hayat mereka,” ujarnya.

Terdahulu, tertuduh didakwa merogol mangsa yang berusia 16 tahun pada 18 Oktober 2025 di berek sebuah syarikat air di sini serta melakukan seks luar tabii terhadap mangsa sama pada bulan Disember 2024, bertempat di sebuah rumah di Lorong Indah 1.

Tertuduh turut didakwa merogol, melakukan seks luar tabii dan amang seksual fizikal terhadap mangsa berusia 15 tahun antara bulan Julai 2024 dan September 2025 di berek syarikat dan di sebuah rumah di Lorong Indah 1.

Sehubungan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376B Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 16 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, Seksyen 377C Kanun Keseksaan dan Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.